

Pewarisan Tanah Pusaka: Satu Kajian Kes di Rembau

MAT ZEAN ABD. AZIZ*

Pengenalan

PEWARISAN dimaksudkan sebagai proses penurunan atau pemindahan milik kepada anak, cucu, cicit atau waris-waris lain yang berhak.

Dalam sistem Adat Perpatih pewarisan pusaka seperti tanah, rumah, barang-barang perhiasan dan gelaran kepada waris-waris yang berhak dianggap penting kerana proses ini merupakan sebahagian daripada teras sistem adat. Disamping menggambarkan keunikan sistem adat ia juga dapat menilai sejauh manakah sistem adat itu menjadi pegangan hidup masyarakat Negeri Sembilan.

Corak Pewarisan

Mengikut tradisi adat. Tanah Pusaka diwariskan kepada perempuan. Keutamaan diberi kepada anak, kemudian kepada cucu, cicit dan generasi seterusnya. Jika tidak ada waris-waris yang terus, iaitu tidak ada keturunan perempuan, maka Tanah Pusaka berpindah kepada ahli seperut dan seterusnya kepada ahli suku.² Pewarisan seperti ini dibuat atas dasar bahawa Tanah Pusaka adalah milik suku.³ Oleh sebab itu semua anggota suku berhak mewarisi Tanah Pusaka mengikut keutamaan masing-masing.

Pada masa dahulu masyarakat menganggap tanah sama seperti sistem hakmilik berdaftar yang mementingkan unsur keindividuan keatas tanah milik suku, maka corak pewarisan tradisi sudah mula mengalami perubahan.

Pada masa dahulu masyarakat menganggap tanah lebih daripada unsur udara dan air — banyak dan mudah didapati. Pemilikan dan penurunan

* Siswazah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya 1977/78. Penyelidikan telah dijalankan pada tahun 1977.

1 Lihat Azizah Kassim, *Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Beradat Perpatih Di Negeri Sembilan*. Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya 1969.

2 Lihat juga Mohd. Rafdzi Hj. Maulud, *'Proses Pemilikan Tanah Komuniti Adat Perpatih, Satu Kajian Kes Di Mukim Batu Hampar, Rembau, Negeri Sembilan*. JAP. UKM. 1974/75, hlm. 62.

3 Lihat Winstedt, R.O., *The Malays: A Cultural History*, Routledge and Kegan Paul 1961, hlm. 86.

tanah sangat mudah. Mengikut keterangan seorang tua di Kampung Mesjid Senama, Mukim Tanjung Keling, Rembau, ada orang yang memberikan sebahagian daripada tanahnya kepada ahli keluarganya sebagai upah mencari kutu. Sama ada cerita ini benar atau tidak bukanlah menjadi persoalan kita tetapi sekurang-kurangnya ia dapat memberi gambaran kepada kita betapa mudahnya tanah diberikan kepada seseorang.

Pada hari ini keadaan seperti itu sudah berubah. Sekarang nilai tanah tinggi. Jadi tidak mungkin seseorang boleh mendapat tanah dengan mudah apatah lagi dengan percuma. Kalau dahulu waris-warisan yang berhak selalu bertolak ansur atas dasar muafakat dan belas kasihan tetapi sekarang sebaliknya berlaku. Hak tetap dituntut walaupun bahagian itu tidak sampai 3 meter persegi luasnya.

Pertambahan penduduk yang pesat dan kesukaran untuk mendapatkan (membuka) tanah baru menyebabkan setiap orang sentiasa berada dalam keadaan dahagakan tanah. Peluang untuk mendapatkan tanah sentiasa dicari dan keuntungan daripada tanah seboleh-bolehnya mesti juga diperolehi. Lantaran dari gejala-gejala ini maka sistem pewarisan Tanah Pusaka cara tradisi tidak lagi begitu mudah dilaksanakan sekarang.

Pewarisan Tanah Pusaka pada hari ini masih mengikut prinsip adat. Walau bagaimanapun terdapat satu perkembangan baru di mana wang digunakan dalam proses penurunan Tanah Pusaka terutama kepada waris jauh seperti sanak datuk dan sanak moyang apatah lagi kepada waris seperut atau sesuku. Hak ini bukanlah ditakrifkan sebagai satu penjualan tetapi sebagai pampasan kepada pemilik yang telah banyak mengeluarkan tenaga dan wang untuk membangunkan tanah itu. Walaupun Tanah Pusaka itu tidak dijual melalui proses jual-beli yang rasmi, namun pindahmilik tetap didaftarkan kerana langkah ini dapat menjamin keutuhan hak seseorang ke atas tanah yang didudukinya.

Walaupun pindahmilik Tanah Pusaka boleh dilakukan dengan bayaran pampasan namun dalam keadaan tertentu di mana pemilik memerlukan wang yang banyak sama ada untuk membayar hutang atau belanja menunaikan fardhu Haji, proses jualbeli dilakukan. Dalam proses jualbeli ini tawaran biasanya dibuat kepada ahli keluarga terlebih dahulu, kemudian kepada ahli seruang atau seperut dan seterusnya kepada ahli sesuku.⁴ Kalau anggota suku tiada yang sanggup membeli maka Datuk Lembaga bolehlah membenarkan pemilik membuat tawaran kepada anggota suku lain.

Untuk huraian yang lebih lanjut satu kajian tentang corak pewarisan Tanah Pusaka Adat telah dijalankan di kalangan 30 buah keluarga di Kampung Bacang Masam,⁵ Rembau. Dari kajian ini kita akan dapat mengesan sejauh manakah corak atau prinsip pewarisan tradisi itu masih dilaksanakan pada hari ini.

4 Lihat juga David Wong, *Tenure and Land Dealing in the Malay States*, Singapore University Press, 1975, hlm. 472.

5 Nama samaran yang diberi kepada kampung asal. Semua nama watak-watak yang terlibat di dalam artikel ini juga adalah nama samaran. Ini perlu untuk melindungi identiti waris-warisan yang masih hidup.

Jadual 1
Corak Pewarisan Tanah Pusaka


Jenis Pewarisan	Bil. Keluarga
i. Pewarisan secara terus	19
ii. Pewarisan kepada adik atau kakak atau anak saudara	6
iii. Pewarisan kepada sanak ibu atau anak sanak ibu	1
iv. Pewarisan kepada sanak datuk atau anak sanak datuk	3
v. Pewarisan kepada sanak moyang	1
Jumlah	30

Dari Jadual 1 didapati bahawa pewarisan secara terus paling banyak dilakukan, iaitu 19 daripada 30 keluarga yang dikaji. Kemudian diikuti oleh pewarisan kepada ahli keluarga, iaitu adik, kakak atau anak buah. Pewarisan kepada ahli keluarga yang seperut atau sesuku jarang didapati. Pewarisan yang menyimpang daripada keluarga terus adalah disebabkan oleh pemilik tanah tidak mempunyai keturunan perempuan.

Dari sini dapat kita simpulkan bahawa pewarisan Tanah Pusaka masih mengikut prinsip adat. Dalam sistem pewarisan keutamaan diberi berdasarkan rapatnya hubungan kekeluargaan seseorang waris dengan pemilik.

Daripada 6 keluarga yang mewariskan Tanah Pusaka kepada ahli keluarga terdapat satu pewarisan yang dilakukan melalui proses jualbeli. Yang lainnya melalui proses penurunan berdasarkan prinsip adat.


Rajah 1
Penjualan Tanah Pusaka Kepada Anak Buah



Dalam Rajah 1, Putih yang mewarisi Tanah Pusaka daripada emak saudaranya, Minah, telah menjualkan Tanah Pusaka itu kepada Wok, anak buahnya. Dalam kes ini penjualan cuma merupakan pampasan kepada Putih yang telah banyak mencurahkan usaha menambah nilai tanah. Kalau Wok tidak mahu memberi pampasan besar kemungkinan tanah itu akan jatuh kepada anggota keluarga jauh yang sanggup memberi pampasan.

Terdapat satu keluarga lain yang mewariskan Tanah Pusakanya kepada anak sanak ibu juga melalui proses jual-beli. Lihat Rajah 2.

Rajah 2
Penjualan Tanah Pusaka Kepada Anak Sanak Ibu



Dalam kes ini Bedah telah membuat tawaran kepada waris dalam keluarganya untuk menjualkan tanahnya. Bedah sangat-sangat memerlukan wang untuk membayar hutang chetty sebanyak \$400/-. Pada masa itu, kira-kira dalam tahun 1936, wang sebanyak itu bukannya mudah untuk diadakan. Walau bagaimanapun tawaran Bedah telah disambut oleh anak sanak ibunya Bibah dan Ba'ah dengan masing-masing mengeluarkan wang sebanyak \$200/- seorang. Jadi Bibah dan Ba'ah telah mewarisi Tanah Pusaka emak sanak ibu mereka setengah bahagian seorang melalui proses jualbeli.

Daripada tiga keluarga yang mewariskan Tanah Pusaka kepada sanak datuk atau anak sanak datuk, dua daripadanya melakukannya melalui sistem umpukan. Pemilik tanah telah mengumpulkan Tanah Pusaka kepada sanak datuk kerana dia telah memelihara anggota sanak datuk itu dari kecil hingga dewasa. Yang satu lagi melalui proses jualbeli, telah mewariskan tanahnya melalui proses jualbeli sama seperti kes Bedah di atas.

Satu keluarga yang mewariskan Tanah Pusaka kepada sanak moyang juga telah melakukannya melalui sistem umpukan kerana pemilik tanah telah memelihara anggota sanak moyang itu dari dia kecil lagi. Maka sewajarnya sanak moyang itu mendapat umpukan harta pusaka.

Dari huraian di atas bolehlah kita simpulkan bahawa pewarisan harta pusaka yang tidak melibatkan wang berlaku dalam kes-kes penurunan terus dari ibu ke anak atau kedim atau juga daripada ibu/perempuan kepada saudara jauh seperti sanak datuk atau sanak moyang yang dipelihara oleh pemilik tanah.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya pewarisan atau penurunan Tanah Pusaka. Antaranya ialah sebab kematian pemilik,

pindahmilik atas dasar kasih dan sayang, pindahmilik kerana perkhidmatan dan pindahmilik secara jualbeli.

Pindahmilik Sebab Kematian

Bila berlaku kematian kepada seseorang pemilik tanah maka tanah si mati akan diturunkan kepada waris-warisnya yang berhak mengikut keutamaan masing-masing. Waris-waris si mati akan membuat tuntutan pindahmilik beberapa bulan selepas kematian pemiliknya. Ada juga waris yang menuntut selepas empat atau lima tahun selepas kematian pemilik. Kelewatan membuat tuntutan biasanya berlaku kerana waris tidak dapat kata sepakat untuk mengeluarkan belanja bagi urusan tuntutan ataupun masing-masing sengaja tidak ambil peduli sebab umpukan masing-masing sudah ada di atas tanah yang berkenaan.,

Permohonan pindahmilik ini dibuat melalui Pejabat Tanah Daerah. Setelah permohonan waris diterima dan diproses, suatu notis akan dikeluarkan oleh pihak Pejabat memanggil semua waris yang berhak hadir pada hari dan waktu yang telah ditetapkan dalam notis itu. Waris yang berhak akan berkumpul di Pejabat Tanah dan hadir bersama ialah Datuk Lembaga suku berkenaan dan *Collector* atau Penolong Penguasa Hasil Tanah Daerah. Perjumpaan ini seolah-olah merupakan satu perbicaraan⁶ di mana waris-waris yang berhak disoal oleh pegawai dari Pejabat Tanah tentang kedudukan dan jubungannya dengan si mati dan juga mengapa dia berhak mewarisi harta pusaka si mati. Datuk Lembaga menjadi saksi kepada pihak yang menuntut dan sebagai pegawai penerangan kepada pihak Pejabat Tanah kerana dia lebih tahu tentang latar belakang waris-waris yang menuntut.

Pindahmilik atas dasar kasih dan sayang

Pindahmilik secara kasih dan sayang ini biasanya berlaku bila si ibu atau uwan menurunkan Tanah Pusaka mereka kepada anak atau cucu yang di sayangi tanpa meminta sebarang pampasan. Sebagai balasan kerap terdapat si anak atau cucu memelihara pemilik tanah hingga ke akhir hayatnya. Ada kalanya pemilik tanah yang memelihara cucu sejak dari kecil lagi, akan menurunkan Tanah Pusaka kepada cucunya itu semasa dia masih hidup lagi kerana takut bila dia telah mati kelak cucu itu tidak mendapat Tanah Pusaka tersebut.

Pindahmilik Kerana Perkhidmatan

Dalam kes ini pemilik tanah tidak mempunyai anak atau waris perempuan yang kedim. Jadi untuk memastikan dirinya dijaga di hari tua, beliau dengan senang hati menurunkan Tanah Pusakanya kepada sesiapa saja antara anggota keluarganya yang sanggup memeliharanya selagi dia masih hidup di dunia ini. Pindahmilik secara ini besar risikonya. Pernah terjadi seorang perempuan tua yang tidak ada anak perempuan telah menurunkan hakmilik tanahnya kepada anak saudaranya dengan perjanjian lisan bahawa anak saudara itu akan memeliharanya sampai akhir hayatnya. Tetapi apa yang berlaku ialah setelah selesai pindahmilik tanah itu dilaksanakan anak saudara

6 Orang kampung memahami sebagai 'Bicara Kuasa'.


tadi telah menjualkan Tanah Pusaka itu kepada anggota keluarga yang lain dan orang tua itu langsung tidak dipedulikannya. Anak buah itu telah meninggalkan kampung dan berhijrah ke Kuala Lumpur mengikut suaminya. Bila keadaan seperti ini berlaku kedudukan perempuan tua tadi sangat merumitkan. Mahu tidak mahu dia terpaksa tinggal bersama anak lelakinya dan menantu perempuannya. Banyak lagi kes-kes seperti ini berlaku sebab itulah kebanyakan pemilik tanah tidak menurunkan hakmilik tanahnya semasa dia masih hidup kecuali dia ada tanah lain untuk diduduki.

Pindahmilik Secara Jualbeli

Seperti yang telah diterangkan pindahmilik cara jualbeli ini dilakukan bila Tanah Pusaka hendak diturunkan kepada keluarga jauh atau bukan keluarga terus. Pindahmilik cara jualbeli berpunca bila seorang pemilik tidak ada anak perempuan yang bakal mewarisinya ataupun Tanah Pusaka terpaksa dijual kerana hendak membayar hutang atau untuk menunaikan fardhu Haji.

Dalam pindahmilik secara jualbeli ini berlaku juga penjualan Tanah Pusaka kepada anggota suku lain. Keadaan ini berlaku kerana tidak ada anggota suku yang sanggup membelinya. Misalnya terdapat satu kes di mana seorang anggota suku Seri Melenggang Empat Ibu terpaksa menjualkan tanah sawah dan kampungnya seluas lebih kurang tiga ekar kepada seorang anggota suku Paya Kumbuh dengan harga \$6,000/- Penjualan ini dibuat pada tahun 1959. Dia menjual tanahnya kerana hendak menunaikan fardhu Haji. Pada mulanya dia menawarkan tanahnya itu kepada ahli keluarga, ahli seperut dan ahli sesuku tetapi tiada siapa yang sanggup mengeluarkan wang sebanyak itu. Tawaran kemudian dibuat kepada anggota suku lain.

Rajah 3
Penjualan Tanah Pusaka Kepada Anggota Suku Lain



Dalam Rajah 3, Tanah Pusaka yang diwarisi oleh Sitam daripada ibunya Posah, sepatutnya diturunkan kepada cucunya Ropah, sebagai waris kedim. Tetapi oleh kerana Ropah telah menggunakan wang simpanan Sitam dan tidak pula dapat membayarnya balik bila Sitam memerlukan wang untuk menunaikan fardhu Haji, maka Tanah Pusaka Sitam terpaksa dijual.

Secara kebetulan pula pada masa itu tidak ada anggota suku yang sanggup mengadakan wang sebanyak \$6,000/-. Jadi mahu tidak mahu Tanah Pusaka suku Seri Melenggang terpaksa berpindah milik kepada anggota suku Paya Kumbuh.

Walau bagaimanapun penjualan Tanah Pusaka kepada suku lain jarang berlaku kerana adanya halangan atau sekatan yang telah ditentukan oleh adat. Misalnya di Kampung Bacang Masam ini terdapat hanya satu kes sahaja penjualan Tanah Pusaka kepada anggota suku lain, iaitu kes Sitam di atas yang berlaku pada tahun 1959. Selepas itu tidak ada lagi kes jual Tanah Pusaka kepada suku lain. Selain daripada dijual atau dipindah milik melalui pembayaran pampasan, Tanah Pusaka juga boleh dicagar atau digadai untuk mendapatkan wang.⁷

Dalam cagaran atau gadai seseorang itu mempunyai tanah tetapi tiada wang. Bila keadaan mendesak dan dia sangat memerlukan wang maka dia akan mencari orang yang berwang. Dia akan meminjam wang dari orang itu dan berjanji untuk membayar balik dalam tempoh yang telah ditentukan. Sebagai jaminan dia akan menyerahkan geran tanahnya sebagai cagaran.

Menurut Datuk Maharaja Inda Abd. Samad bin Hassan, seorang Lembaga suku Tanah Datar (Darat), tanah yang dicagar itu diserahkan kepada pemegang cagaran⁸ sebagai jaminan wang yang dipinjam itu akan dibayar balik. Si pemegang cagaran berhak mengerjakan tanah itu dan mengambil hasilnya. Ini adalah satu cara bagi mengelakkan riba. Adakalanya si pemegang cagaran akan menolak sejumlah kecil dari hasil pendapatan tanah daripada hutang, biasanya antara \$30 ke \$40 setahun. Tetapi ini bergantung kepada perasaan perikemanusiaan si pemegang cagaran itu. Walau bagaimanapun dalam hal ini si pemegang cagaran yang untung. Di samping wang yang dipinjamkan akan dibayar balik, hasil tanah dapat pula dimilikki. Kadang-kadang hasil yang diperolehi daripada tanah itu melebihi jumlah wang yang telah dipinjamkan.

Di Kampung Bacang Masam ini tidak terdapat tanah bertukar milik disebabkan cagaran atau gadai. Semua tanah yang telah digadai atau dicagar telah ditebus semula. Konsep cagaran atau gadai ini berbeza dengan konsep jualjanji yang diamalkan di negeri-negeri di Utara seperti Kedah dan Kelantan. Dalam jualjanji ada kemungkinan tanah yang dicagar atau di gadai berpindahmilik dari pencagar kepada pemegang cagaran kalau wang yang dipinjam tidak dibayar dalam masa atau tempoh yang telah ditetapkan.

7 Mengikut KTM 1965 perkataan 'cagaran' digunakan untuk tanah sementara 'gadai' digunakan untuk benda-benda lain seperti jam tangan, pen, baju dan lain-lain. Walau bagaimanapun dalam kajian ini kedua-duanya dimaksudkan kepada tanah kerana 'gadai' lebih difahami oleh masyarakat kampung.

8 Mengikut KTM 1965 dalam cagaran cuma geran atau IDT itu saja yang diserahkan kepada pemegang cagaran bukan tanah dan pemegang cagaran akan memohon 'caveat' sebagai halangan urusan kepada tanah tersebut. Jadi nyatalah fahaman masyarakat kampung tentang konsep pajak, gadai dan cagaran berlainan dari yang terkandung dalam KTM 1965.

Sebab utama maka berlaku cagaran ialah kerana keperluan kepada wang yang mendesak. Misalnya untuk belanja tambahan menunaikan fardhu Haji dan membayar hutang tumbuh seperti kemalangan, membayar mas kahwin saudara lelaki yang melakukan Adat Menyerah dan sebagainya.⁹

Jadual 2
Kekerapan Penggadaian dan Bilangan Lot

Banyak kali digadai	Bil. Lot
0 kali	48
1 kali	10
2 kali	4
3 kali	0
4 kali	0
Jumlah	62

Sumber: Mukim Register, Pejabat Tanah Rembau.

Dari Jadual 2 didapati daripada 62 Lot yang dikaji 48 Lot tidak pernah dicagar atau digadai. Sebanyak 10 Lot telah pernah digadai 1 kali dan sebanyak 4 lot telah pernah digadai 2 kali. Tidak terdapat tanah yang digadaikan lebih daripada 2 kali.

Daripada jadual ini dapatlah dirumuskan bahawa penggadaian atau cagaran tidak berlaku dengan leluasa. Hanya dalam keadaan yang sangat terdesak sahaja sesuatu tanah itu digadaikan.

Jadual 3
Corak Penggadaian Atau Cagaran

Kepada siapa digadai	Banyak kali gadai
i. Anggota keluarga	5
ii. Anggota sesuku	4
iii. Anggota suku lain	9
Jumlah	10

Sumber: Mukim Register, Pejabat Tanah Rembau.

Berdasarkan Jadual 3 di atas dapatlah kita buat kesimpulan bahawa penggadaian atau cagaran tidaklah terhad kepada anggota suku dan keluarga sahaja. Penggadaian kepada anggota suku lain lebih banyak dibuat jika

⁹ Adat menyerah dilakukan apabila seorang lelaki yang hendak berkahwin dengan yang seorang perempuan tidak ada jalan lain untuk masuk meminang jadi dia pergi menyerahkan dirinya kepada keluarga si perempuan.

dibandingkan dengan penggadaian kepada anggota sesuku atau anggota keluarga. Hal ini mungkin disebabkan dalam soal pinjam-meminjam dengan ahli-ahli keluarga yang lain, cagaran atau penggadaian tidak diperlukan. Hanya jika wang yang terlibat itu banyak jumlahnya dan saudara yang punya wang kurang yakin kepada kejujuran orang yang meminjam maka penggadaian dilalukan. Tetapi pinjaman daripada anggota suku lain sudah tentu memerlukan cagaran atau penggadaian tanah sebagai jaminan.

Penyelewengan Dalam Pewarisan

Walaupun pada idealnya Tanah Pusaka diwariskan kepada waris yang berhak tetapi dari segi praktiknya terdapat beberapa penyelewengan yang telah menyebabkan seseorang yang berhak tidak mendapat haknya.

Penyelewengan kerap kali berlaku di dalam milik yang disebabkan oleh kematian. Dalam hal ini penyelewengan mudah berlaku bila si pemilik tanah yang telah meninggal dunia tidak mempunyai waris perempuan yang kedim. Dalam situasi seperti inilah waris jauh cuba mempengaruhi Buapak atau Datuk Lembaga supaya menyokong tuntutan mereka. Ketika inilah wang memainkan peranan. Dengan bersandarkan wang, waris jauh akan mengemukakan hujah-hujah seperti dia dipelihara oleh si mati, dia saudara berkedim kepada si mati atau si mati ada mewasiatkan kepadanya atau si mati ada berhutang kepadanya. Tujuannya ialah supaya pusaka si mati diturunkan kepadanya.

Mengikut pendapat setengah-setengah Ketua Adat pada dasarnya semua penyelewengan berpunca dari tindak-tanduk Datuk Lembaga sama ada secara langsung atau tidak. Yang dimaksudkan dengan secara langsung ialah beliau tahu ada penyelewengan yang berlaku tetapi kerana dia telah disuap wang maka dia buat tidak tahu sahaja. Secara tidak langsung pula dimaksudkan penyelewengan berlaku kerana kesilapan. Datuk Lembaga tidak menyelidik dengan teliti sebelum membuat satu-satu keputusan.

Kerap kali penyelewengan lepas begitu sahaja. Terutama bila waris lain tidak tahu atau sengaja tidak mahu buat heboh atau menyusahkan diri berulang-alik ke Pejabat Tanah atau Balai Undang. Lagipun mereka tidak berduit untuk membiayai sebarang perbelanjaan bicara.

Walau bagaimanapun ada juga kes-kes penyelewengan yang dibocorkan, dirayu ulang bicara (*appeal*) dan kerap kali terbukti penyelewengan yang berlaku. Dalam banyak hal kes-kes penyelewengan terbongkar bila berlaku krisis antara orang-orang yang terlibat. Masing-masing dalam usaha hendak memburukkan lawan biasanya akan membukakan rahsia penyelewengan yang telah berlaku. Bila rahsia ini diketahui oleh waris yang benar-benar berhak maka dia akan membuat penyiasatan lanjut dan sekiranya berpuas hati haknya telah dirampas telah orang lain maka dia akan memohon rayuan ulang bicara bagi mendapatkan haknya.

Ada berbagai jenis penyelengan yang berlaku dalam proses penurunan Tanah Pusaka ini.

Pertama, menjualkan Tanah Pusaka kepada waris jauh (anggota suku) dengan cara senyap. Ini bertentangan dengan prinsip adat supaya setiap penjualan Tanah Pusaka mesti dihebahkan kepada semua anggota keluarga dan anggota sesuku dan keutamaan diberi kepada waris yang rapat hubungan

kekeluargaan. Penyelewengan ini mungkin bertujuan untuk mendapatkan harga yang lebih tinggi atas Tanah Pusaka itu.

Kedua, penyelewengan juga berlaku disebabkan oleh kenyataan palsu Datuk Lembaga. Misalnya beliau menyokong tuntutan seorang waris yang mengaku dia telah dikedimkan kepada si pemilik tanah, padahalnya tidak. Disamping itu terdapat juga kenyataan palsu Datuk Lembaga dengan mengatakan si mati tidak meninggalkan waris atau anak perempuan, padahal si mati ada meninggalkan anak perempuan yang pada masa itu masih kecil lagi.

Ketiga, penyelewengan dilakukan dengan menjualkan Tanah Pusaka secara senyap-senyap kepada ahli keluarga tertentu dengan tujuan tanah itu tidak jatuh kepada anggota keluarga lain.¹⁰


Keempat, penyelewengan menjual Tanah Pusaka kepada anggota suku lain. Penjualan kepada anggota suku lain ini sudah tentu menguntungkan kerana yang ditawarkan lebih tinggi. Penjualan ini juga dilakukan secara rahsia tanpa diketahui oleh anggota sesuku.

Kelima, penyelewengan memajak atau menyewakan Tanah Pusaka kepada bukan sahaja anggota suku lain tetapi juga kepada bangsa asing. Di Rembau terdapat beberapa kes di mana Tanah Pusaka dipajakkan atau disewakan kepada bangsa asing.¹¹ Sebagai contoh Tanah-Tanah Pusaka yang terdapat di pekan-pekan kecil seperti di Kota dan Pedas telah dipajakkan atau disewakan kepada bangsa asing, iaitu bangsa Cina.

Sebagai bukti adanya penyelewengan ini eloklah kita tinjau beberapa kes ulang bicara Tanah Pusaka yang berlaku di Rembau.¹²

Kes 1 Piah v Asmah

Rajah 4
Jurai Keturunan Asmah



10 Mengikut E.N. Taylor, *Inheritance in Negeri Sembilan*, JMBRAS, Vol. 21, Part 2, hlm. 51. Penjualan secara rahsia ini boleh dilakukan melalui pendaftaran. "A registered title, however enabled the holder to make a secret but indefeasible conveyance in favour of a purchaser."

11 Wawancara dengan Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Seremban.

12 Bagi Kes 1 sumbernya ialah hasil wawancara dengan Datuk Maharaja Inda Abd. Samad Hassan, Lembaga suku Tanah Datar Kes II, III, dan IV dipetik dari fail BUR. 19, 10 dan 18/77, Balai Undang Rembau.

Dalam kes ini Asmah berserta dua orang adik beradiknya dan anaknya Ani telah membuat kenyataan palsu mengatakan bahawa anaknya Zeti yang telah meninggal dunia tidak ada meninggalkan anak perempuan. Kenyataan ini disokong oleh Datuk Lembaga suku Tanah Datar ketika itu Datuk Maharaja Inda Adam. Tetapi sebenarnya Zeti ada meninggalkan seorang anak perempuan yang masih kecil dan anak itu dipelihara oleh adiknya Ani, yang ketika itu tinggal di Melaka. Tujuan Asmah berbuat demikian ialah untuk mendapatkan harta Zeti yang telah diwarisinya (Zeti) daripada uwan sanak ibunya, Enon dan Lijah, kerana mereka berdua ini telah memelihara Zeti sebagai anak sendiri.

Dengan kerjasama Datuk Lembaga, Asmah dan adik-beradiknya telah dapat mewarisi Tanah Pusaka anaknya Zeti yang sepatutnya diwarisi oleh Piah anak Zeti.

Rahsia penyelewengan ini telah bocor bila berlaku krisis antara Asmah dan adik-beradiknya. Rahsia ini telah diketahui oleh Piah, ketika itu sudah dewasa dan berumahtangga, sebagai waris yang benar-benar berhak. Piah telah berjumpa dengan Datuk Lembaga yang baharu, Datuk Maharaja Inda Abd. Samad bin Hassan dan mengemukakan masalahnya. Datuk Abd. telah menasihatkan Piah supaya membuat permohonan ulang bicara.

Rayuan ulang bicara Piah ini telah mengambil masa selama lapan bulan untuk diproses dan menempuh tiga kali perbicaraan, sebelum keputusan muktamad dicapai.

Keputusannya, Undang Datuk Hj. Ipap (telah meninggal dunia) telah memerintahkan supaya kesemua tanah-tanah, lapan keping semuanya, yang dimiliki oleh Asmah dan adik-beradiknya secara penyelewengan itu dipulangkan semula kepada Piah. Undang Datuk juga memerintahkan supaya hasil tanah yang dimakan selama 12 tahun itu dibayar kepada Piah. Mengenai hukum yang kedua ini, Datuk Lembaga Abd. Samad telah memohon kepada Undang Datuk supaya ianya dibatalkan kerana pada pendapatnya sampai mati sekalipun hutang itu tidak akan terbayar oleh pihak-pihak yang terlibat. Undang Datuk telah memperkenankan permohonan itu.

Kes seperti ini dalam adat dinamakan *Tanam Hidup* kerana orang yang masih hidup dikatakan sudah mati atau tiada lagi di dunia ini, dengan tujuan untuk menuntut tanah pesakanya. Kes seperti ini menunjukkan bahawa adik-beradik, anak-beranak dan saudara-mara juga berselisih dan bersinggit, dan perebutan harta pusaka juga sering berlaku.


Dalam kes ini Esah bt. Ali hendak menjual tanah pesakannya kepada anggota suku lain, Ijah bt. Ramli dengan harga \$5,000/- Bayaran pendahuluan sebanyak \$3,000/- telah pun diterima oleh Esah.

Waris-waris Esah iaitu Rahmah dan Rohana tidak menghalang. Begitu juga Datuk Lembaga, Datuk Seri Maharaja.

Walau bagaimanapun bila permohonan pindahmilik hendak dibuat di Pejabat Tanah, pihak Pemungut Hasil Tanah (PHT) tidak meluluskannya. Alasan Esah mahu menjual Tanah Pusaka itu untuk membeli Tanah Pusaka lain tidak dapat diterima oleh PHT.

Kes II Esah bt. Ali v PHT Rembau

Rajah 5
Jurai Keturunan Esah bt. Ali




Ketika menolak permohonan Esah PHT telah memberikan alasan-alasan berikut.

- Tuan tanah (Esah bt. Ali) ada anak perempuan, Rohana. Tujuan Tanah Pusaka itu dibeli dahulupun ialah untuk Rohana.
- Perbuatan hendak menjual kepada suku lain adalah '*contrary to the practise of the custom*' sec. 7(i) V (provisio) C.T.E. Cap. 225.
- Jika digalakkan, keistimewaan Tanah-Tanah Adat akan luput dan akan jadi seperti tanah faraid — bebas untuk pindahmilik.

Dari kes ini didapati bahawa penjualan Tanah Pusaka tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Pihak Pejabat Tanah boleh menghalang penjualan Tanah Pusaka kepada anggota suku lain tanpa alasan-alasan menunasabah yang telah ditentukan oleh adat.¹³

Kes III Isa bin Mahat v Embun Bt. Ahmad

Rajah 6
Jurai Keturunan Isa dan Embun



--- → Penurunan harta pusaka

Dalam kes ini Isa bin Mahat, anak lelaki kepada si mati (Azah) cuba memesongkan perjalanan Adat supaya Tanah Pusaka ibunya diturunkan kepadanya ataupun kepada isterinya. Isa telah memberi alasan bahawa ketika ibunya sakit, isterinya yang memelihara. Belanja pengkebumian ibunya juga telah diuruskan oleh isterinya.


¹³ Lihat juga Mohd. Faudzi Hj. Maulud, *Op.cit.*, hlm. 62.

Walau bagaimanapun Isa tidak berjaya dalam kes ini dan Tanah Pusaka emaknya tetap diwarisi oleh Embun bt. Ahmad sebagai waris yang kedim sekali kerana kakaknya Azah bt. Ahmad tidak ada anak perempuan.

Jelas dalam kes ini ada unsur-unsur penyelewengan tetapi usaha tersebut tidak berjaya kerana tidak mengikut prinsip adat.

Kes IV Zahara bt. Meon v Siti bt. Halim

Rajah 7
Jurai Keturunan Zahara dan Siti



Kes ini berpunca dari kematian Tipah dan hartanya telah diwarisi oleh Siti bt. Halim. Pihak Zahara tidak berpuas hati atas keputusan PHT memberikan Tanah Pusaka Tipah kepada Siti. Sepatutnya dia yang mewarisi harta Tipah kerana dialah waris kedim yang sah, iaitu anak saudara kepada Tipah. Sedangkan Siti adalah saudara jauh kepada Tipah, iaitu anak sanak moyang.

Dalam hujahnya untuk mendapatkan Tanah Pusaka Tipah, Siti telah mendakwa dia dan Tipah adalah saudara sekedim. Mengikut keterangan Siti dia telah diperlihora oleh Hamidah bt. Lebai dan Tipah telah dikedimkan kepada Hamidah. Dakwaan Siti ini disokong kuat oleh Buapak dan Datuk Lembaga suku berkenaan.

Dalam hujahnya menolak tuntutan Zahara, Datuk Lembaga mengatakan bahawa Zahara telah melakukan kesalahan dalam adat, iaitu berkahwin dengan abang iparnya dan lari meninggalkan kampung dan masa ini tinggal di Petaling Jaya, Selangor. Tentang kesalahan adat ini Datuk Lembaga telah mengemukakan perbilangan:

Dipanggil tidak menyahut,
Diseru tidak datang,
Hutang tidak berbayar.

Dakwaan Zahara memelihara Tipah ketika orang tua itu sakit tidak dapat diterima oleh PHT kerana dia tinggal di Selangor sedangkan Tipah tinggal di Rembau. Adalah lebih munasabah menerima dakwaan Siti bahawa dialah yang ambil tahu sakit-pening orang tua itu kerana dia berjiran dan lagipun Tipah itu ialah kakak sekedimnya.

Dalam kes ini didapati bahawa hubungan kekeluargaan yang rapat dengan si mati belum menjadi keutamaan untuk mewarisi harta pusakannya. Soal sama ada waris kedim itu memelihara si mati pada masa hidupnya juga diambil kira. Dalam kes ini jelaslah Siti yang memelihara si mati pada masa hidupnya. Soal kedim juga dipertimbangkan dan dalam kes ini Buapak dan Lembaga mengakui bahawa Tipah dan Siti saudara sekedim. Zahara pula telah melakukan kesalahan dalam Adat dan kesalahan ini tidak pula dibayar. Dalam hal ini Datuk Lembaga berhak menolak tuntutan seseorang yang telah melakukan kesalahan dalam Adat jika sekiranya kesalahan itu tidak ditebus atau dibayar mengikut peraturan Adat.

Kesimpulan

Walaupun terdapat beberapa penyelewengan dalam proses penurunan Tanah Pusaka namun ia tidak menggugat keutuhan prinsip penurunan cara Adat.

Dalam hal yang berhubungan dengan Tanah Pusaka Adat didapati masyarakat Adat Perpatih di Rembau tetap mewariskan Tanah Pusaka berdasarkan prinsip penurunan yang telah ditentukan oleh Adat. Kalau terdapat pun perubahan ianya cuma dari segi cara penurunan itu dibuat, iaitu, penurunan Tanah Pusaka kepada bukan ahli keluarga atau sekedim, biasanya didahului dengan pembayaran pampasan kepada pemilik pusaka. Bayaran pampasan ini bukanlah merupakan satu kontrek jualbeli, tetapi sebagai ganti-rugi (*compensation*) kepada tenaga dan wang yang telah dicurahkan oleh pemilik membangunkan tanah tersebut. Jadi seharusnya waris yang bakal menerima Tanah Pusaka itu memberi pampasan kepada pemilik.

Larangan penjualan Tanah Pusaka kepada anggota suku lain masih kuat dipertahankan. Oleh kerana itu jarang sekali terdapat Tanah Pusaka berpindahmilik daripada satu suku ke suku yang lain. Walau bagaimanapun penjualan Tanah Pusaka kepada anggota suku lain masih dibenarkan dalam keadaan yang mendesak dan anggota suku pula tidak sanggup membelinya.